

Penggredan Taska atasi masalah ibu bapa

B.H m/s 12 21.4.07

ANAK adalah anugerah Allah yang tidak ternilai harganya. Anak juga harapan ibu bapa dan penyeri keluarga. Namun akhir-akhir ini, banyak isu membabitkan kebajikan kanak-kanak terabai.

Terbaru, kematian seorang bayi di sebuah Taska di Kuantan, Pahang yang disiarkan *Buletin Utama* TV3, kelmarin, mencetuskan polemik tahap keselamatan pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak.

Pusat asuhan adalah rumah kedua bagi kanak-kanak kerana ibu bapa meninggalkan tanggungjawab kepada penyelia pusat asuhan. Harapan ibu bapa adalah tinggi dan mahukan yang terbaik selepas menempatkan anak di pusat asuhan. Sebaliknya sesetengah pusat asuhan bukan lagi tempat selamat bagi kanak-kanak.

Takziah diucapkan kepada Saudara Mazlan di atas kehilangan bayi tersayang ketika harapan dan tanggungjawab diserahkan kepada penyelia pusat asuhan kanak-kanak.

Bagi ibu bapa, amanah diberikan kepada pihak kedua tidak boleh dipersoalkan lagi. Bagaimanapun, adakah pusat jagaan memberi yang terbaik kepada kanak-kanak seperti ibu bapa menjaga mereka di rumah. Inilah persoalan perlu difikir dan di kupas pihak bertanggungjawab.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) patut memperkemas jentera pemantauan pada peringkat daerah agar semua pusat asuhan dan Taska mengikut peraturan ditetapkan.

Ada pusat asuhan yang tiada keperluan mencukupi dari sudut tenaga kerja. Seorang penyelia menjaga 10 kanak-kanak, sedangkan ratio sepatutnya diguna pakai ialah seorang penjaga untuk tiga kanak-kanak.

Apakah pusat asuhan ini hanya mementingkan keuntungan tanpa memikirkan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak? Berapa lama masa pemantauan dilakukan penyelia dan bagaimana pula buku laporan disediakan penyelia.

Bahagian Penguat kuasa Taska JKM sepatutnya lebih bersikap proaktif dan memantau pergerakan Taska yang didapati bermasalah dan sering menerima aduan ibu bapa.

Senaraikan Taska yang berdaftar dan pameran untuk tatapan umum agar ibu bapa tidak tercari-cari dan keliru. Di samping itu, ibu bapa akan mendapat pangkalan data lengkap dan tidak lagi mencari-cari Taska terbaik untuk anak mereka.

Pihak berwajib harus mengklasifikasikan gred Taska mengikut kategori masing-masing. Taska gred A, B dan C wajar dikelaskan agar ibu bapa tidak dibebani masalah kewangan.

Diharapkan kejadian yang menimpa bayi Mazlan dapat membuka mata pihak bertanggungjawab agar lebih peka dan proaktif, manakala bagi ibu bapa carilah pusat asuhan selamat dan diiktiraf kerajaan.

PENCINTA KANAK-KANAK,
Shah Alam, Selangor.